

15 NOV 2000

APEC-kemuncak

SIDANG KEMUNCAK PEPIMPIN APEC BERMULA TENGAH HARI INI

Oleh: S. Durga Varma

BANDER SERI BEGAWAN, 15 Nov (Bernama) -- Sidang Kemuncak
Pepimpin-Pemimpin Ekonomi Apec akan bermula pada pukul 3.00 petang ini di
Pusat Konvensyen Antarabangsa di sini, yang mana para pemimpin akan
berdialog dengan para anggota Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) yang
mewakili sektor swasta rantau ini.

Pemimpin 21 ekonomi Asia Pasifik termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr
Mahathir Mohamad dijangka membincangkan berbagai topik termasuk globalisasi
dan keperluan peraturan dalam kerangka kewangan antarabangsa.

Brunei yang kaya dengan minyak, yang menjadi tuan rumah kepada Sidang
Kemuncak itu kali ini telah memberikan tema "Memberi Kepada Masyarakat"
kepada Sidang Kemuncak itu.

Dr Mahathir dijangka akan memberikan pandangan beliau mengenai
globalisasi bagi pihak banyak ekonomi membangun di Sidang Kemuncak itu yang
juga dijangka akan menangani kebimbangan banyak ekonomi mengenai kesan
negatif globalisasi.

Sidang di sini dihadiri antaranya, Presiden Bill Clinton dari Amerika
Syarikat, Perdana Menteri Yoshiro Mori dari Jepun, Presiden Vladimir Putin
dari Rusia dan Presiden Ricardo Lagos dari Chile.

Sebelum mesyuarat para menteri, Lagos dan Putin dijangka berucap pada
hari kedua mesyuarat ABAC yang diadakan di Hotel Empire sementara Clinton
dijadual akan memberikan ucapan sebelum rehat tengah hari.

Ini akan diikuti oleh ucapan semasa makan tengah hari oleh Presiden
Jiang Zemin dari China.

Esok, para pemimpin akan berkumpul di Kelab Polo dan Country Jerodung
bagi acara Rehat Pemimpin dan bagi membacakan deklarasasi pada kira-kira
pukul 4.00 petang.

Sementara itu, Putin pagi ini mengadakan pertemuan dua hala dengan Dr
Mahathir. Pertemuan dua hala antara Dr Mahathir dan Jiang Zemin dijadual
akan diadakan pada tengah hari esok.

-- BERNAMA

DVS MR JR MA